



---

BEROPERASI DI MALAYSIA  
PENYATA KEWANGAN BERKANUN  
**31 DISEMBER 2005**

# KANDUNGAN

---

AKUAN BERKANUN	1
PENYATA PENTADBIRAN KORPORAT	2 - 3
LAPORAN JURUAUDIT	4
PENYATA ASET DAN LIABILITI	5
PENYATA PENDAPATAN	6
AKAUN HASIL INSURANS AM	7 - 8
PENYATA ALIRAN TUNAI	9 - 10
NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN	11 - 39

---

## **AKUAN BERKANUN MENURUT SEKSYEN 336(6) AKTA SYARIKAT, 1965**

Saya, Brad M. Bennett, pegawai yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam pengurusan kewangan American Home Assurance Company yang beroperasi di Malaysia, dengan bersungguh-sungguh dan ikhlas mengumumkan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 yang dibentangkan di mukasurat 5 hingga 39, mengikut kepercayaan saya adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

BRAD M. BENNETT

Ditandatangani dan diakui oleh penama di atas Brad M. Bennett di Kuala Lumpur pada 24 Mac 2006.

Di hadapan saya:

T. THANDONEE RAJAGOPAL (No. W228)  
PESURUHJAYA SUMPAH

Kuala Lumpur

## PENYATA PENTADBIRAN KORPORAT

Pihak pengurusan operasi American Home Assurance Company di Malaysia berbesar hati dalam membentangkan penyata pentadbiran korporat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005.

Penyata Pentadbiran Korporat ini hanya berkaitan dengan segala aktiviti yang ada di American Home Assurance Company Cawangan Malaysia.

### AKAUNTABILITI PENGURUSAN

Pihak pengurusan mempunyai struktur organisasi yang telah didokumentasi dengan wajar yang jelas menunjukkan laporan tanggungjawab dan kuasa. Tugas dan tanggungjawab individu adalah didokumentasikan dalam diskripsi kerja. Langkah-langkah Pencegahan Pengubahan Wang Haram dipraktikkan secara bersungguh-sungguh. Perihal kepentingan konflik adalah wajib dilakukan setahun sekali bagi semua pengurusan atasan di bawah Kod Budi Pekerti AIG (Code of Conducts).

Saluran komunikasi yang tepat telah digunakan dengan sebaiknya untuk memastikan maklumat utama dikomunikasikan kepada kakitangan yang bersesuaian. Manual operasi yang mempunyai dokumen polisi dan prosedur penting, kawalan dalam dan pematuhan sentiasa dikaji semula dan dikemaskini secara berterusan. Manual-manual dan pengkemasan ini telah diedarkan kepada semua pekerja yang berkenaan. Penyata Pentadbiran Korporat kami ini menggambarkan secara terang dalam polisi yang diterbitkan.

Proses formal yang sedia ada dan sedang dipraktis adalah bagi perkembangan matlamat individu. Penilaian pelaksanaan tugas kakitangan dilakukan setahun sekali dengan penilaian semula dalam pertengahan tahun pertama untuk memastikan semua matlamat tercapai dan tidak bertentangan dengan objektif korporat AIG.

### KEBEBASAN KORPORAT

Pihak pengurusan memastikan pematuhan dengan JPI/GPI 19 yang berkenaan dengan garispanduan Bank Negara Malaysia (“BNM”) bagi Urusniaga Parti Berkaitan.

### KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Kestabilan dan keberkesanan kawalan dalaman dan sistem pengurusan risiko yang sedia ada membolehkan pengiktirafan penilaian berterusan bahan-bahan risiko yang mana mungkin boleh mendatangkan akibat kepada kelancaran korporat dan situasi kewangan. Sistem ini dikaji secara berterusan untuk mempertingkatkan lagi keberkesanannya.

Sekumpulan juruaudit dalaman yang berdedikasi bersedia untuk menjalankan tugas-tugas penyelidikan bebas operasi. Kumpulan ini melaporkan tugas mereka kepada Jawatankuasa Audit yang bertempat di New York.

## **PENYATA PENTADBIRAN KORPORAT (SAMBUNGAN)**

### **AKAUNTABILITI AWAM**

Pihak pengurusan memelihara praktis profesionalisma dalam urusan perniagaannya. Hak dan kepentingan pemegang polisi adalah diutamakan dalam setiap pertimbangan dan keputusan.

### **LAPORAN KEWANGAN**

Pihak pengurusan memastikan penyelenggaraan buku dan rekod yang bersesuaian bagi penyediaan penyata kewangan adalah dilakukan mengikut kelulusan piawai perakaunan. Kunci maklumat kewangan adalah disediakan kepada umum mengikut peruntukan dalam Seksyen 95(1) Akta Insurans, 1996. Laporan berkanun sistematik, yang dilakukan dengan teliti dan sebaik mungkin telah dibuat seperti mana yang diwajibkan oleh Bank Negara Malaysia.

OLEH PENGURUSAN AMERICAN HOME ASSURANCE COMPANY,  
BEROPERASI DI MALAYSIA

BRAD M. BENNETT  
24 Mac 2006

## LAPORAN JURUAUDIT ATAS PENYATA KEWANGAN OPERASI PERBADANAN DI MALAYSIA MENURUT SEKSYEN 336 AKTA SYARIKAT, 1965

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan di mukasurat 5 hingga 39 untuk American Home Assurance Company yang beroperasi di Malaysia. Kesemua penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para pengarah syarikat. Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat bebas mengenai penyata kewangan berdasarkan pengauditan kami dan melaporkannya kepada anda berdasarkan Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukannya untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada individu lain untuk kandungan laporan ini.

Pengauditan kami adalah berdasarkan piawai pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawai tersebut memerlukan kami merancang dan menjalankan audit untuk mendapatkan jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan yang terbentang adalah bebas daripada kesilapan yang material. Suatu pengauditan juga termasuk pengujian ke atas rekod perakaunan, dengan bukti menyokong jumlah dan apa juga pendedahan dalam penyata kewangan. Suatu pengauditan juga merangkumi penilaian prinsip-prinsip akaun yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, termasuk juga penilaian ke atas penyampaian penyata kewangan secara menyeluruh. Kami percaya bahawa pengauditan kami memberi asas yang munasabah.

Pada pendapat kami:

- (a) penyata kewangan telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 serta piawai perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia dan memberi pandangan yang benar dan saksama tentang:
- (i) perkara-perkara yang termaktub dalam Seksyen 169 Akta Syarikat adalah diuruskan bersama-sama penyata kewangan; dan
  - (ii) keadaan urusan operasi Perbadanan di Malaysia pada 31 Disember 2005 dan keputusan serta aliran wang tunai operasi Perbadanan di Malaysia bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut;
- dan
- (b) rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang diperlukan mengikut Akta untuk disimpan oleh operasi Perbadanan di Malaysia dengan wajar menurut peruntukan Akta.

PRICEWATERHOUSECOOPERS  
(No. AF: 1146)  
Akauntan Bertauliah

DATO' AHMAD JOHAN BIN MOHAMMAD RASLAN  
(No. 1867/09/06 (J))  
Rakan Kongsi Firma

Kuala Lumpur  
24 Mac 2006

**PENYATA ASET DAN LIABILITI**

PADA 31 DISEMBER 2005

	Nota	2005 RM	2004 RM
<b>ASET</b>			
Hartanah, peralatan dan lengkapan	3	13,606,345	16,214,913
Pelaburan	4	574,507,091	540,235,337
Pinjaman	5	14,233,194	15,174,877
Pelbagai penghutang	6	64,949,959	60,796,511
Aset cukai tertunda	7	5,670,000	2,385,000
Tunai dan baki bank		11,667,736	7,473,033
Jumlah aset		<u>684,634,325</u>	<u>642,279,671</u>
<b>LIABILITI</b>			
Peruntukan bagi tuntutan belum jelas	8	173,070,860	164,053,087
Pelbagai pembiutang	9	68,281,051	70,683,136
Liabiliti cukai semasa		10,579,982	1,898,617
		<u>251,931,893</u>	<u>236,634,840</u>
Rizab premium tidak terperoleh	10	178,003,515	193,255,108
Jumlah liabiliti		<u>429,935,408</u>	<u>429,889,948</u>
<b>AKAUN IBU PEJABAT</b>			
Jumlah liabiliti dan jumlah terhutang kepada ibu pejabat	11	<u>254,698,917</u>	<u>212,389,723</u>
		<u>684,634,325</u>	<u>642,279,671</u>

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.*

## PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

	Nota	2005 RM	2004 RM
Pendapatan operasi	12	<u>473,869,476</u>	<u>462,989,504</u>
Dana pemegang saham:			
Pendapatan pelaburan	13	1,722,790	1,664,374
Pendapatan operasi lain - bersih	14	<u>3,682</u>	<u>261,435</u>
		1,726,472	1,925,809
Lebihan dipindahkan dari Akaun Pendapatan Insurans Am			
		81,419,890	48,131,474
Keuntungan sebelum cukai		<u>83,146,362</u>	<u>50,057,283</u>
Cukai	15	(22,837,168)	(15,916,101)
Keuntungan bersih untuk tahun kewangan		<u>60,309,194</u>	<u>34,141,182</u>

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.*

**AKAUN HASIL INSURANS AM**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

	Nota	Kebakaran RM	Motor RM	Marin, penerbangan dan transit RM	Pelbagai RM	Jumlah RM
Premium kasar		116,961,054	163,518,946	15,883,729	153,011,674	449,375,403
Insurans semula		(83,666,167)	(12,439,924)	(11,249,888)	(55,560,996)	(162,916,975)
<b>Premium bersih</b>		<b>33,294,887</b>	<b>151,079,022</b>	<b>4,633,841</b>	<b>97,450,678</b>	<b>286,458,428</b>
Pengurangan/(penambahan) dalam rizab premium tidak terperoleh	10	24,906,934	(1,556,942)	(4,013,049)	(4,085,350)	15,251,593
Premium terperoleh		58,201,821	149,522,080	620,792	93,365,328	301,710,021
Tuntutan bersih tertanggung Komisyen bersih	16	(14,590,432) 6,574,709	(105,566,252) (17,715,350)	(2,261,692) 669,300	(31,353,621) (8,480,040)	(153,771,997) (18,951,381)
Lebihan/(defisit) penajajaminan sebelum perbelanjaan pengurusan		<b>50,186,098</b>	<b>26,240,478</b>	<b>(971,600)</b>	<b>53,531,667</b>	<b>128,986,643</b>
Perbelanjaan pengurusan	17					(72,287,318)
Lebihan penajajaminan						<b>56,699,325</b>
Pendapatan pelaburan	13					<b>22,771,283</b>
Lain-lain pendapatan operasi - bersih	14					<b>1,949,282</b>
Lebihan Pindahan ke Penyata Pendapatan						<b>81,419,890</b>

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.*

**AKAUN HASIL INSURANS AM**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004

	Nota	Kebakaran RM	Motor RM	Marin, penerbangan dan transit RM	Pelbagai RM	Jumlah RM
Premium kasar Insurans semula		132,120,313 (92,765,510)	153,779,117 (13,560,149)	8,783,757 (4,965,859)	146,446,734 (57,734,212)	441,129,921 (169,025,730)
Premium bersih		<u>39,354,803</u>	<u>140,218,968</u>	<u>3,817,898</u>	<u>88,712,522</u>	<u>272,104,191</u>
(Penambahan)/pengurangan dalam rizab premium tidak terperoleh	10	(40,461,984)	(4,933,032)	361,688	24,002,275	(21,031,053)
Premium terperoleh		<u>(1,107,181)</u>	<u>135,285,936</u>	<u>4,179,586</u>	<u>112,714,797</u>	<u>251,073,138</u>
Tuntutan bersih tertanggung Komisyen bersih	16	(14,019,762) <u>7,553,916</u>	(97,804,000) <u>(14,751,218)</u>	(1,874,798) <u>140,966</u>	(36,339,935) <u>(5,795,359)</u>	(150,038,495) <u>(12,851,695)</u>
Lebihan penajajaminan sebelum perbelanjaan pengurusan		<u>(7,573,027)</u>	<u>22,730,718</u>	<u>2,445,754</u>	<u>70,579,503</u>	<u>88,182,948</u>
Perbelanjaan pengurusan	17					<u>(63,016,420)</u>
Lebihan penajajaminan						<u>25,166,528</u>
Pendapatan pelaburan	13					<u>20,195,209</u>
Lain-lain pendapatan operasi - bersih	14					<u>2,769,737</u>
Lebihan pindahan ke Penyata Pendapatan						<u>48,131,474</u>

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.*

**PENYATA ALIRAN TUNAI**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

	Nota	2005 RM	2004 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Keuntungan bersih untuk tahun kewangan		60,309,194	34,141,182
Pelarasan untuk:			
Hartanah, peralatan dan lengkapan		3,551,036	3,333,069
- susutnilai		(73,205)	(23,000)
- keuntungan atas penjualan		(24,494,073)	(21,859,583)
Pendapatan pelaburan		695,489	-
Masuk kira semula elauan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan		(2,059,093)	(2,723,934)
Keuntungan atas penjualan pelaburan		(15,251,593)	21,031,053
(Pengurangan)/penambahan dalam rizab premium tidak terperoleh		22,837,168	15,916,101
Cukai		978,376	444,739
Hutang lapuk terhapus kira		1,176,550	(3,308,693)
Penambahan/(pengurangan) dalam peruntukan untuk hutang ragu		47,669,849	46,950,934
Pengurangan/(penambahan) dalam deposit tetap			
Penambahan dalam peruntukan bagi tuntutan belum jelas		561,116	(42,323,754)
(Pengurangan)/penambahan dalam pembiutang perdagangan		9,017,773	10,897,599
Penambahan/(pengurangan) dalam lain-lain pembiutang		(7,760,733)	4,475,737
Pengurangan dalam pinjaman		5,358,648	(20,173,014)
Penambahan dalam penghutang perdagangan		941,683	1,082,373
(Penambahan)/pengurangan dalam lain-lain penghutang		(5,620,366)	(19,116,447)
Faedah pendapatan diterima		(165,756)	1,010,704
Dividen diterima		28,886,228	29,087,517
Pendapatan daripada penjualan pelaburan		1,249,588	656,814
Pembelian pelaburan		147,905,754	(260,198,416)
Tunai dijana daripada /(digunakan dalam) operasi		(187,539,015)	(274,900,196)
		40,504,769	(2,153,317)
Cukai dibayar balik		-	906,435
Cukai dibayar		(17,440,803)	(12,986,336)
Aliran masuk/(aliran keluar) tunai bersih daripada aktiviti operasi	18	23,063,966	(14,233,218)

## PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005 (SAMBUNGAN)

	Nota	2005 RM	2004 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Pendapatan daripada penjualan hartanah, peralatan dan lengkapan		91,067	30,319
Pembelian hartanah, peralatan dan lengkapan		(960,330)	(2,010,598)
Aliran keluar tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	18	<u>(869,263)</u>	<u>(1,980,279)</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>			
Pindahan ke Ibu Pejabat		<u>(18,000,000)</u>	<u>(15,000,000)</u>
Aliran keluar tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan	18	<u>(18,000,000)</u>	<u>(15,000,000)</u>
<b>PENAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SETARAAN</b>	18	<b>4,194,703</b>	<b>(31,213,497)</b>
<b>TUNAI DAN TUNAI SETARAAN PADA 1 JANUARI</b>		<b>7,473,033</b>	<b>38,686,530</b>
<b>TUNAI DAN TUNAI SETARAAN PADA 31 DISEMBER</b>		<b><u>11,667,736</u></b>	<b><u>7,473,033</u></b>
Tunai dan setaraan tunai merangkumi:			
Tunai dan baki bank		<u>11,667,736</u>	<u>7,473,033</u>

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.*

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2005

### 1 AKTIVITI UTAMA DAN INFORMASI AM

Aktiviti utama operasi Perbadanan di Malaysia ("Cawangan") ialah menjajamin kesemua kelas insurans am perniagaan. Tiada terdapat sebarang perubahan nyata dalam aktiviti ini sepanjang tahun.

Jumlah keseluruhan pekerja Cawangan dalam tahun kewangan berakhir adalah 555 (2004: 597).

Syarikat pemegang utama American Home Assurance Company adalah American International Group, Inc., syarikat yang telah diperbadankan di Amerika Syarikat.

Alamat pejabat yang didaftarkan dan tempat perniagaan utama ialah di Wisma AIG, No. 99, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Penyata kewangan ini telah dibenarkan untuk terbitan pada 24 Mac 2006.

### 2 DASAR PERAKAUNAN BERERTI

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara berterusan dalam urusan yang dianggap sebagai material berhubung dengan penyata kewangan.

#### (a) Asas penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut kos sejarah konvensyen dengan piawai perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia dan diperuntukkan mengikut Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1966 dan Garispanduan dan Surat Pekeliling Bank Negara Malaysia ("BNM") di dalam segala aspek yang material.

Penyediaan penyata kewangan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawai perakaunan MASB yang diluluskan di Malaysia memerlukan penggunaan taksiran dan anggaran yang akan memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah keuntungan dan perbelanjaan pada tahun kewangan yang dilaporkan. Walaupun anggaran ini dibuat berdasarkan pengetahuan pihak pengurusan yang sewarasnya menurut infomasi dan kejadian terkini, keputusan sebenar mungkin berbeza.

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2005 (SAMBUNGAN)

### (b) Hartanah, peralatan dan lengkapan

Hartanah, peralatan dan lengkapan dinyatakan pada kos atau penilaian ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian terjejas terkumpul.

Susutnilai bagi hartaanah, peralatan dan lengkapan diperuntukan atas dasar garis lurus untuk menghapuskan kos setiap aset meliputi anggaran tempoh hayat berguna aset tersebut. Kadar tahunan digunakan adalah seperti berikut:

Perabot dan peralatan	10% - 20%
Peralatan komputer	10% - 20%
Kenderaan bermotor	20%
Pengubahanuaian	5% - 20%

Pada tarikh setiap penyata aset dan liabiliti, Cawangan akan menilai sekiranya ada sebarang penunjuk penjejasan. Sekiranya penunjuk tersebut wujud, kajian akan dibuat untuk menentukan sekiranya jumlah dibawa aset boleh diperolehi sepenuhnya. Penurunan nilai akan dibuat sekiranya jumlah dibawa melebihi jumlah boleh pulih. Lihat dasar perakaunan Nota 2(g) untuk penjejasan aset.

Keuntungan dan kerugian atas penjualan ditentukan dengan membandingkan pendapatan dengan jumlah dibawa dan dikredit atau di caj ke dalam akaun hasil dan/atau penyata pendapatan.

Pembaikan dan penyelenggaraan akan dicaj kepada akaun hasil dan/atau penyata pendapatan pada tahun kewangan berkenaan di mana perbelanjaan tersebut terlibat. Kos pemberikulihan besar disertakan dengan jumlah dibawa aset apabila ada kemungkinan faedah ekonomi pada masa depan melebihi penilaian prestasi piawaian aset terkini akan dialirkkan kepada Cawangan. Pemberikulihan yang besar akan disusutnilai mengikut baki hayat guna aset tersebut.

### (c) Matawang Asing

Urusniaga dalam matawang asing Cawangan diambilkira pada kadar pertukaran hampir yang wujud pada tarikh urusniaga berkenaan. Aset dan liabiliti matawang asing pada tarikh penyata aset dan liabiliti adalah diterjemahkan mengikut kadar hampir pada tarikh berkenaan. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian transaksi matawang asing dan daripada penterjemahan matawang asing aset monetari dan liabiliti diambilkira dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Kadar asas penutupan dalam menterjemahkan amaun matawang asing pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

Matawang Asing	2005	2004
Dollar Amerika Syarikat	3.779	3.800
Dollar Singapura	2.270	2.246
Dollar Hong Kong	0.487	0.494

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2005 (SAMBUNGAN)

### (d) Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia, kertas Cagamas dan sekuriti hutang diluluskan yang tidak disebut harga seperti yang ditentukan oleh BNM bertujuan dipegang hingga tarikh matang, dinyatakan pada kos terlaras bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun yang dikira berdasarkan hasil malar daripada tarikh pembelian hingga tarikh matang. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun adalah diiktiraf dalam akaun hasil dan/atau penyata pendapatan.

Pelaburan disebut harga dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah atas dasar agregat portfolio bagi setiap kategori pelaburan, kecuali terdapat pengurangan dalam nilai sesuatu pelaburan yang tidak dianggap sementara, peruntukan khusus akan dibuat terhadap nilai pelaburan itu. Nilai pasaran ditentukan dengan merujuk kepada harga tutup bursa saham pada tarikh penyata aset dan liabiliti.

Pelaburan tidak disebut harga dinyatakan pada kos dan elaun bagi pengurangan dalam nilai dibuat di mana pada pendapat Pihak Pengurusan, terdapat penurunan selain daripada sementara dalam nilai pelaburan tersebut. Sekiranya ada penurunan selain daripada sementara dalam nilai pelaburan, penurunan nilai ini akan diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun kewangan ianya berlaku, di mana penurunan ini dikenalpasti.

### (e) Manfaat pekerja

#### (i) Manfaat pekerja jangka masa pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bonus, dan manfaat bukan wang diaikru pada jangka masa di mana perkhidmatan tersebut diberikan oleh pekerja Cawangan.

#### (ii) Manfaat selepas tamat pekerjaan

Caruman Cawangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, skim caruman negara, dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dalam jangkamasa berkenaan. Sekiranya caruman sudah dibayar, Cawangan tidak ada sebarang obligasi pembayaran.

### (f) Penghutang perdagangan

Penghutang perdagangan adalah dibawa pada jumlah diinvois tolak elaun dibuat untuk hutang rugu.

Hutang lapuk yang diketahui adalah dihapuskira dan elaun khusus dibuat untuk sebarang premium termasuk baki ejen atau baki insurans semula yang belum terjelas lebih daripada enam bulan dari tarikh ia menjadi terhutang dan untuk semua hutang dianggap rugu.

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2005 (SAMBUNGAN)

### (g) Penjejasan Aset

Nilai dibawa aset akan dikaji semula untuk penjejasan apabila terdapat sebarang tanda mungkin terjejas. Penjejasan dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan jumlah boleh pulih. Jumlah boleh pulih adalah yang lebih tinggi di antara nilai boleh realis bersih dan nilai dalam guna, yang dikira merujuk kepada aliran tunai terdiskaun. Jumlah boleh pulih dijangka untuk aset individu, atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit janaan-tunai.

Kerugian akibat penjejasan dicaj serta merta kepada akaun hasil dan/atau penyata pendapatan.

Penambahan berikutan dalam jumlah boleh pulih aset adalah dianggap sebagai penaribalan kerugian ditolak penjejasan sebelumnya dan diiktiraf ke takat aman dibawa aset yang akan ditentukan (selepas pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian akibat penjejasan diiktiraf. Penaribalan ini diiktiraf serta merta di dalam akaun hasil dan/atau penyata pendapatan.

### (h) Pajakan operasi

Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran hakmilik disimpan oleh pemberi pajak adalah dikelasifikasikan sebagai pajakan operasi. Bayaran di bawah pajakan operasi adalah dicaj kepada penyata pendapatan dan akaun hasil pada kadar garis lurus sepanjang jangkamasa pajakan.

Apabila pajakan operasi ditamatkan sebelum jangkamasa pajakan tamat tempoh, sebarang bayaran yang harus dibayar kepada pemberi pajak dalam bentuk denda adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana penamatan berlaku.

### (i) Hasil penajajaminan insurans am

Hasil penajajaminan insurans am, adalah ditentukan untuk setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira insurans semula, komisyen, premium tidak terperoleh dan tuntutan tertanggung.

#### Pendapatan premium

Pendapatan premium adalah diiktiraf dalam tahun kewangan untuk risiko yang ditanggung sepanjang tahun kewangan tersebut. Premium daripada perniagaan terus diiktiraf semasa tahun kewangan selepas pengeluaran nota debit premium. Premium bagi risiko tertanggung yang mana nota-nota debit belum dikeluarkan pada tarikh penyata aset dan liabiliti adalah diakru pada tarikh tersebut.

Premium insurans semula perjanjian masuk diiktiraf pada kadar bayaran berkala diterima daripada penanggung insurans penyerah.

Premium insurans semula alir keluar diiktiraf dalam jangkamasa perakaunan yang sama seperti polisi asal di mana insurans semula itu dikaitkan.

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2005 (SAMBUNGAN)

### Rizab premium tidak terperoleh

Rizab premium tidak terperoleh ("UPR") mewakili bahagian premium bersih polisi insurans bertulis yang berkaitan dengan tempoh belum tamat polisi pada akhir tahun kewangan.

Dalam menentukan UPR pada tarikh penyata aset dan liabiliti, kaedah yang paling tepat mewakili premium sebenar tidak terperoleh adalah digunakan. UPR dikira mengikut bulan perakaunan untuk premium berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit;
- (ii) kaedah 1/24 untuk lain-lain kelas perniagaan am yang berkaitan dengan polisi di Malaysia, diturunkan melalui peratusan kasar dikira bagi komisyen perniagaan terus kepada kesesuaian premium, tidak melebihi tahap ditentukan oleh BNM; dan
- (iii) kaedah pembahagian mengikut masa untuk polisi bukan-tahunan, diturunkan melalui peratusan kasar dikira bagi komisyen perniagaan terus kepada kesesuaian premium, tidak melebihi tahap ditentukan oleh BNM.

Pada tahun-tahun kewangan sebelumnya, UPR berkaitan polisi Perubatan dan Kesihatan dan polisi Kemalangan Peribadi yang tempohnya kurang daripada 12 bulan dikira mengikut kaedah 1/24.

Untuk tahun kewangan semasa, kaedah pengiraan UPR telah diubah kepada kaedah pembahagian mengikut masa.

Pengubahan dalam anggaran telah membawa peningkatan dalam keuntungan bersih cawangan untuk tahun kewangan semasa sebanyak RM11,063,534.

### Peruntukan untuk tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan belum jelas adalah diiktiraf untuk kedua-dua insurans terus dan insurans semula alir masuk. Jumlah tuntutan belum jelas adalah anggaran terbaik perbelanjaan diperlukan bersama perbelanjaan berkaitan ditolak pemulihan untuk menyelesaikan obligasi terkini pada tarikh penyata aset dan liabiliti.

Peruntukan juga telah dibuat untuk kos tuntutan, bersama dengan perbelanjaan yang berkaitan, tetapi tidak dilaporkan pada tarikh penyata aset dan liabiliti, berdasarkan kepada penilaian aktuarial yang dilakukan oleh ahli aktuari profesional bebas, menggunakan kaedah anggaran yang betul dan konsisten berdasarkan statistik tuntutan yang dikumpulkan dengan sempurna.

### Kos perolehan

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans selepas ditolak pendapatan dari premium insurans semula penyerah adalah diiktiraf sebagai tertanggung dan diperuntukkan sewajarnya kepada tempoh kewangan di mana ianya mungkin menjadi pendapatan.

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2005 (SAMBUNGAN)

### (j) Pengiktirafan lain-lain pendapatan

Pendapatan faedah atas pinjaman adalah diiktiraf atas dasar akrual kecuali bagi kes di mana pinjaman yang dianggap tidak berbayar iaitu bayaran bertunggak melebihi enam bulan, di mana pengiktirafan ke atas faedah itu adalah digantung. Berikutan dengan penggantungan ini, faedah adalah diiktiraf atas dasar resit sehingga semua tunggakan telah dibayar.

Lain-lain pendapatan faedah, termasuk jumlah pelunasan premium dan pertambahan diskaun, adalah diiktiraf atas dasar perkadarhan masa yang mengambil kira kadar hasil efektif aset itu.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran adalah kukuh.

Keuntungan dan kerugian atas penjualan pelaburan adalah dikreditkan atau dicajkan kepada akaun hasil dan/atau penyata pendapatan.

### (k) Cukai pendapatan

Belanja cukai semasa ditentukan menurut bidang kuasa perundangan perculaian di mana Cawangan berurusan dan merangkumi segala cukai berasaskan keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti pada perbezaan sementara yang berlaku di antara jumlah ditujukan kepada aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dan jumlah dibawa dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai sediaada agar perbezaan sementara boleh cukai atau kerugian cukai tidak dipakai boleh digunakan.

Kadar cukai yang digubal atau digubal dengan ketara pada tarikh penyata aset dan liabiliti digunakan untuk menentukan cukai tertunda.

### (l) Liabiliti aset dan luar jangka

Cawangan tidak mengiktiraf liabiliti luar jangka tetapi mendedahkan kewujudannya pada penyata kewangan. Liabiliti luar jangka adalah kemungkinan obligasi yang wujud disebabkan peristiwa lepas di mana kewujudannya akan dipastikan oleh peristiwa masa depan di luar kawalan Cawangan atau obligasi masa terkini yang tidak diiktiraf kerana kemungkinan tidak perlunya aliran keluar sumber untuk menyelesaikan obligasi ini. Liabiliti luar jangka juga wujud secara terperinci di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf disebabkan ianya tidak dapat dinilai dengan pasti.

Aset luar jangka adalah aset kemungkinan yang wujud disebabkan oleh peristiwa lepas di mana kewujudannya akan dipastikan oleh peristiwa masa depan di luar kawalan Cawangan. Cawangan tidak mengenalpasti aset luar jangka, tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk faedah ekonomi untuk Cawangan adalah satu kemungkinan, tetapi bukan pasti.

### (m) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf sekiranya Cawangan mempunyai obligasi perundangan konstruktif pada masa kini disebabkan peristiwa lepas, di mana ada kemungkinan perlunya aliran keluar sumber untuk menyelesaikan obligasi ini, dan di mana anggaran jumlah yang pasti dapat dilakukan.

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2005 (SAMBUNGAN)

### (n) Tunai dan tunai setaraan

Tunai dan tunai setaraan mengandungi tunai dan baki bank, tidak termasuk deposit tetap dan panggilan deposit, yang mudah ditukarkan kepada nilai tertentu tunai dan tertakluk kepada perubahan nilai yang tidak ketara.

### (o) Instrumen kewangan

#### Perihal

Instrumen kewangan adalah satu kontrak yang mewujudkan kedua-dua aset kewangan sesuatu perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen kewangan suatu perusahaan lain.

Aset kewangan adalah sebarang aset berupa tunai, hak kontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada perusahaan lain, hak kontrak untuk penukaran instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat-syarat yang mungkin memuaskan, atau instrumen ekuiti satu perusahaan lain.

Liabiliti kewangan adalah sebarang liabiliti merupakan obligasi kontrak untuk menyerahkan tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau untuk bertukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat-syarat yang tidak memuaskan.

#### Kaedah pengiktirafan

Kaedah pengiktirafan yang diamalkan untuk instrumen kewangan diiktiraf pada penyata aset dan liabiliti akan didedahkan dalam nota dasar perakaunan individu berkenaan yang berkaitan dengan setiap item.

#### Nilai saksama

Asas anggaran nilai saksama Cawangan untuk instrumen kewangan adalah seperti berikut:

##### Komponen

- Sekuriti Kerajaan Malaysia dan kertas Cagamas
- Sekuriti hutang korporat tidak disebut harga
- Sekuriti ekuiti disebut harga
- Pinjaman diterima
- Lain-lain aset kewangan dan liabiliti dengan jangkamasa matang kurang dari satu tahun

##### Kaedah menentukan nilai saksama

- Harga pasaran indikatif
- Harga pasaran indikatif daripada sebuah institusi kewangan
- Harga pasaran disebut harga
- Aliran tunai masa depan terdiskaun berdasarkan tempoh kematangan kontrak. Kadar diskon adalah berdasarkan kepada kadar faedah pasaran masa kini
- Nilai dibawa dianggarkan sama dengan nilai saksama

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2005 (SAMBUNGAN)

### 3 HARTANAH, PERALATAN DAN LENKAPAN

	Perabot dan peralatan RM	Peralatan komputer RM	Kenderaan bermotor RM	Pengubah- suaian RM	Jumlah RM
<b>Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2005</b>					
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2005	5,590,200	3,831,399	39,667	6,753,647	16,214,913
Pertambahan pada kos	150,339	501,722	276,165	32,103	960,329
Penjualan pada nilai buku bersih	(840)	(5,688)	(11,335)	-	(17,863)
Caj susutnilai	<u>(829,385)</u>	<u>(2,063,160)</u>	<u>(46,747)</u>	<u>(611,742)</u>	<u>(3,551,034)</u>
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2005	<u>4,910,314</u>	<u>2,264,273</u>	<u>257,750</u>	<u>6,174,008</u>	<u>13,606,345</u>
<b>Pada 31 Disember 2005</b>					
Kos	6,783,030	16,633,392	436,165	7,670,596	31,523,183
Susutnilai terkumpul	(1,872,716)	(14,369,118)	(178,414)	(1,496,590)	(17,916,838)
Nilai buku bersih	<u>4,910,314</u>	<u>2,264,274</u>	<u>257,751</u>	<u>6,174,006</u>	<u>13,606,345</u>
<b>Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2004</b>					
Nilai buku bersih pada 1 Januari 2004	6,041,341	4,624,667	103,000	6,775,695	17,544,703
Pertambahan pada kos	342,994	1,095,605	-	571,999	2,010,598
Penjualan pada nilai buku bersih	-	(7,319)	-	-	(7,319)
Caj susutnilai	<u>(794,135)</u>	<u>(1,881,554)</u>	<u>(63,333)</u>	<u>(594,047)</u>	<u>(3,333,069)</u>
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2004	<u>5,590,200</u>	<u>3,831,399</u>	<u>39,667</u>	<u>6,753,647</u>	<u>16,214,913</u>
<b>Pada 31 Disember 2004</b>					
Kos	6,634,291	16,141,323	330,000	7,638,493	30,744,107
Susutnilai terkumpul	(1,044,091)	(12,309,924)	(290,333)	(884,846)	(14,529,194)
Nilai buku bersih	<u>5,590,200</u>	<u>3,831,399</u>	<u>39,667</u>	<u>6,753,647</u>	<u>16,214,913</u>

## NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2005 (SAMBUNGAN)

### 3 HARTANAH, PERALATAN DAN LENGPAPAN (*Sambungan*)

Termasuk dalam kos hartaanah, peralatan dan lengkapan adalah hartaanah, peralatan dan lengkapan tersusutnilai sepenuhnya dan yang masih digunakan:

	2005 RM	2004 RM
Perabot dan peralatan	45,770	4,850
Peralatan komputer	129,658	-
Kenderaan bermotor	160,000	160,000
Pengubahsuaihan	127,113	-
	<hr/>	<hr/>
	462,541	164,850

### 4 PELABURAN

	2005		2004	
	Nilai dibawa RM	Nilai pasaran RM	Nilai dibawa RM	Nilai pasaran RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia, pada kos Pelunasan premium - bersih	263,957,031 <hr/> (6,855,247)	244,723,077 <hr/> (4,103,242)		
	257,101,784	258,020,300	240,619,835	241,672,000
Kertas Cagamas, pada kos Pelunasan premium - bersih	50,445,255 <hr/> (257,519)	70,510,300 <hr/> (17,922)	70,492,378	70,306,000
	50,187,736	49,968,000		
Disebutharga: Sekuriti ekuiti perbadanan:				
Disebutharga di Malaysia, pada kos Elaun bagi pengurangan dalam nilai	36,061,815 <hr/> (695,489)	22,692,963 <hr/> -		
	35,366,326	35,366,326	22,692,963	25,336,028
